

## **Penganalisis ramal Pilihan Raya S'pura pada Julai jika situasi COVID-19 bertambah baik**

*Berita Harian*, 29 May 2020

Pilihan Raya Umum (GE) mungkin akan diadakan pada Julai, selaras dengan fasa kedua strategi pembukaan semula Singapura, menurut beberapa penganalisis politik pada Khamis (28 Mei). Garis masa sedemikian akan membolehkan kempen dan pilihan raya diadakan dalam fasa kedua apabila lebih banyak kegiatan sosial dijangka akan disambung semula sedang negara secara bertahap-tahap beralih ke norma-norma baru, menurut pengamatan mereka.

GE seterusnya mesti diadakan sebelum 14 Apr tahun depan dan ini bermakna Parlimen mesti dibubarkan selewat-lewatnya menjelang Januari tahun depan. Pensyarah undang-undang Eugene Tan dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) berkata: "Dengan langkah-langkah yang lebih longgar pada fasa kedua, GE akan dilihat sebagai tidak membahayakan kesihatan dan keselamatan awam. Besar kemungkinan GE akan diadakan pada awal atau pertengahan Julai." Para penganalisis politik berkata demikian semasa diminta mengulas tentang komen Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat dalam wawancaranya bersama Mediacorp yang diterbitkan pada Rabu. DPM Heng, yang juga penolong setiausaha agung pertama Parti Tindakan Rakyat (PAP) berkata bahawa GE "semakin hari, semakin dekat". Menyusuli komen DPM Heng itu, ramai penganalisis yang ditemui Mediacorp turut berpendapat bahawa rakyat Singapura mungkin akan keluar mengundi pada Julai jika situasi COVID-19 di Singapura tidak memburuk.

### **GE semasa cuti sekolah Julai?**

Dr Felix Tan, pensyarah bersekutu di SIM Global Education meramalkan Parlimen mungkin akan dibubarkan selepas sidang seterusnya. Pada 4 Jun, para Anggota Parlimen (AP) dijadual membahaskan Belanjawan Kecekalan, belanjawan tambahan ketiga setelah ia diumumkan pada awal minggu ini. GE biasanya diadakan 17 hari selepas Parlimen dibubarkan. Bagaimanapun para penganalisis berkata bahawa pandemik virus korona mungkin merubah keadaan. Di bawah Perlembagaan dan Akta Pilihan Raya Parlimen, writ pilihan raya boleh dikeluarkan selewat-lewatnya dua bulan selepas Parlimen dibubarkan. Ada sesetengah pihak yang menambah bahawa besar kemungkinan pilihan raya umum diadakan semasa cuti sekolah pada Julai di mana kebanyakan kemudahan sekolah boleh digunakan sebagai pusat mengundi. Kementerian Pendidikan (MOE) sebelum ini mempercepatkan cuti sekolah bulan Jun ke 5 Mei dan menambah cuti selama seminggu dari 20 hingga 26 Julai.

### **Mungkin lebih awal dari Julai?**

Memberikan pandangan berbeza mengenai hal ini, Dr Gillian Koh, timbalan pengarah penyelidikan di Institut Pengajian Dasar (IPS), berkata bahawa ia juga bergantung kepada keadaan COVID-19 dalam kalangan masyarakat.

"Dalam keadaan normal, ramai akan melihat pada cuti sekolah yang panjang supaya ada cukup waktu untuk mempersiapkan pusat-pusat mengundi, yang kebanyakannya adalah di bangunan sekolah. Tetapi ini bukan masa biasa.

"Apabila terdapat trend jangkitan satu angka atau sifar yang konsisten dalam masyarakat, ini mungkin mendorong (pemerintah) untuk menimbangakan pilihan raya," kata Dr Koh.

Ahli sains politik Walid Jumblatt Abdullah dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) berkata jika PAP ingin mengadakan GE secepat mungkin, ia boleh diadakan seawal hujung bulan Jun semasa fasa pertama pembukaan semula ekonomi. Namun, beliau percaya ia tidak mungkin berlaku.

Pilihan raya yang diadakan awal mungkin dipandang negatif oleh masyarakat, "memandangkan ada banyak bantahan mengenai sama ada ianya wajar untuk mengadakan pilihan raya di tengah langkah-langkah jarak selamat yang dilaksanakan".

#### **Penularan baru boleh sebabkan GE ditunda**

Pada Khamis, Menteri Pembangunan Negara Lawrence Wong memberi amaran tentang bagaimana kelompok besar COVID-19 pada awal Jun boleh menyebabkan fasa kedua dimulakan pada pertengahan Julai, lebih lewat dari yang dijangkakan.

Dr Woo, yang turut menyentuh tentang kemungkinan berlaku penularan baru atau peningkatan pada jumlah jangkitan dalam masyarakat, berkata bahawa situasi sedemikian mungkin mendorong Pemerintah untuk menangguhkan GE sehingga Ogos atau Sep.

Dr Koh dari IPS berpendapat mengadakan GE selepas Hari Kebangsaan pada Ogos boleh memberi peluang kepada PAP untuk mengimbas pencapaian negara - menerusi wadah-wadah seperti Rapat Umum Hari Kebangsaan - dan melakar naratif tentang bagaimana negara berjaya mengharungi pandemik.

"Tetapi selepas bulan Ogos, GE tidak mungkin akan diadakan pada hujung tahun ini, kecuali jika masih ada banyak kes COVID-19 di Singapura, yang masih merupakan satu kemungkinan," tambah Dr Koh.